

D207

B B132 AAB
MAHATHIR - PELABUR R R R

SUBANG, 29 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PARA PELABUR AMERIKA SYARIKAT MENGANGGAP MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH PUSAT PELABURAN, YANG MENARIK MESKIPUN BANYAK LAPORAN LUAR NEGERI, YANG MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA BERDASARKAN PERBINCANGAN BELIAU DENGAN PENGUSAHA DAN PELABUR DI SANA, BELIAU YAKIN PARA PELABUR AMERIKA SYARIKAT AKAN DATANG MELABUR DI MALAYSIA.

WALAU PUN BANYAK LAPORAN, YANG TIDAK MENYEBELAHI MALAYSIA, KEBANYAKAN PELABUR, DI SANA SEDIA MAKLUM TENTANG KEADAAN SEBENAR DI NEGARA INI, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SEKEMBALINYA BELIAU DARIPADA LAWATAN DUA MINGGU KE AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN, DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, DI SINI HARI INI.

+SECARA UMUM, PELABUR AMERIKA SYARIKAT MENGANGGAP MALAYSIA SEBAGAI PUSAT PELABURAN YANG AMAT BAIK,+ KATANYA SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA LAPORAN-LAPORAN NEGATIF TERHADAP MALAYSIA TIDAK MENJADI PENGHALANG.

PERDANA MENTERI BERKATA LAWATANNYA KE NEGARA ITU AMAT BERGUNA KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA MALAYSIA SERTA MEWUJUDKAN HUBUNGAN, YANG LEBIH ERAT ANTARA PARA PENGUSAHA MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT. -- LAGI
2022MST 29 05 89

D287

R B137 AAB
MAHATHIR - PELABUR 2 SUBANG R R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAU PUN LAWATAN BELIAU BUKAN MERUPAKAN LAWATAN RASMI UNTUK MENARIK PELABUR KE MALAYSIA, TETAPI PERJUMPAAN BELIAU DENGAN PARA PENGUSAHA DAN KETUA-KETUA PENGARANG MAJALAH DAN AKHBAR DI SANA BOLEH MEMANFAATKAN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERJUMPAANNYA DENGAN KETUA-KETUA PENGARANG MAJALAH DAN AKHBAR DI AMERIKA SYARIKAT MEMBOLEHKAN BELIAU SALING BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN MENGENAI MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA LAIN, DI SAMPING MEWUJUDKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA NEGARA INI DAN PENGARANG-PENGARANG BERKENAAN.

ANTARA PERKARA, YANG DIBINCANGKANNYA DENGAN KETUA-KETUA PENGARANG MAJALAH DAN AKHBAR DI SANA IALAH MENGENAI ASIA TENGGARA, KHUSUNYA MENGENAI KEADAAN DI KAMPUCHEA, REPUBLIK RAKYAT CHINA, PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN DEMOKRASI, KATANYA SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA SOAL SAMA ADA MEREKA BERSIKAP TERBUKA ATAU TIDAK ADALAH TIDAK PENTING TETAPI, YANG UTAMA IALAH MENJALINKAN HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN MEREKA.

SEMASA MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN ANAKNYA, MUKRIZ, 21, DI UNIVERSITI BOSTON, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU BERPELUANG BERTEMU PRESIDEN GEORGE BUSH UNTUK BERBINCANG MENGENAI MASALAH ANTARABANGSA SEPERTI MASALAH DI INDOCHINA, REPUBLIK RAKYAT CHINA, DI SAMPING MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA TERMASUK ISU KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN MINYAK SAWIT NEGARA INI.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PERDANA MENTERI MARGARET THATCHER DI LONDON, DALAM PERJALANAN PULANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM PERBINCANGAN SELAMA LEBIH SEJAM ITU MEREKA TELAH BERBINCANG TENTANG HUBUNGAN DUA HALA, ISU-ISU ANTARABANGSA SEPERTI SOAL NAMIBIA SERTA MENDENGAR PENJELASAN PUAN THATCHER MENGENAI PERJUMPAANNYA DENGAN PERDANA MENTERI ISRAEL. -- LAGI
2302MST 29 05 89

D296

R B140 AAB

MAHATHIR - PELABUR 3 SUBANG R R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERBINCANGANNYA DENGAN PUAN THATCHER TIDAK MENYENTUH SOAL PEMBELIAN SENJATA OLEH MALAYSIA DARI BRITAIN, DI BAWAH MEMORUNDUM PERSEFAHAMAN (MOU), YANG DITANDATANGANI TIDAK LAMA DAHULU.

KATANYA, DI SAMPING BERTEMU PENGUSAHA DAN PELABUR DI BRITAIN UNTUK MENJELASKAN IKLIM PELABURAN DI MALAYSIA, BELIAU JUGA BERPELUANG MEMBAWA SEORANG EKSEKUTIF KANAN KILANG PROTON MELAWAT KILANG KERETA +LOTUS+ UNTUK MENIMBA PENGALAMAN DARIPADA OPERASI KILANG KERETA TERSEBUT.

KILANG KERETA ITU MENGELUARKAN KERETA YANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN KELAJUAN YANG TINGGI, KEMAMPUAN KEJURUTERAAN YANG SOFISTIKATED DAN PENGELUARAN BUKAN SECARA BESAR-BESARAN.

PERDANA MENTERI BERSAMA-SAMA SEORANG PEGAWAI KANAN POLIS DARI BAHAGIAN UDARA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) TURUT MENINJAU KILANG MEMBUAT KAPAL TERBANG RINGAN, +OPTICA+.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA LAWATAN ITU TIDAK BERMAKNA MALAYSIA MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MEMBELI PESAWAT ITU TETAPI SEKADAR MENAMBAH PENGETAHUAN MENGENAI PELBAGAI JENIS PESAWAT SEUMPAMA ITU UNTUK MENINGKATKAN KEBERKESANAN TUGAS-TUGAS KEPOLISAN. -- LAGI
2319MST 29 05 89

D298

R B141 AAB

MAHATHIR - PELABUR 4 SUBANG R R R R

KETIKA DITANYA TENTANG PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI KEDUA-DUA NEGARA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN MEREKA MENIMBULKAN SOAL ELAUN MEREKA DI SANA SERTA MEMINTA PENJELASAN MENGENAI PERKEMBANGAN POLITIK TANAH AIR SEPERTI PENGGUBALAN DASAR EKONOMI BARU SELEPAS 1990, PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SERTA PERTANDINGAN ANTARA CALON MCA DAN DAP.

SEBELUM ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH ALI SERTA ROMBONGANNYA PADA KIRA-KIRA PUKUL 6.40 PETANG DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, DI SINI DISAMBUUT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

YANG TURUT HADIR DI LAPANGAN TERBANG IALAH MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT, MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OMAR DAN MENTERI BELIA DAN SUKAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK. -- BERNAMA
2321MST 29 05 89